

**PM Singapura Nyata Sokongan, Solidariti Kepada Najib Dan PM China**  
**Bernamea**  
**14 Mac, 2014**

SINGAPURA, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong telah menghantar utusan kepada rakan sejawatannya dari Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Le Keqiang dari China dengan menyatakan hubungan solidariti serta menawarkan sokongan berikutan kehilangan pesawat MH370.

"Selepas kehilangan penerbangan MH370 selama seminggu, ini membimbangkan. Keluarga penumpang dan anak kapal mesti tertekan dengan kebimbangan dan kesedihan," katanya dalam kiriman Facebooknya, Jumaat.

Lee berkata beliau mengikuti rapat perkembangan kehilangan pesawat itu sejak Sabtu lepas.

Beliau berkata kapal laut dan pesawat dari republik itu menyertai misi mencari dan menyelamatkan (SAR) pesawat tersebut.

"Pesawat peronda maritim Fokker-50, iaitu pesawat tambahantelah kami hantar hari ini untuk membantu misi SAR di Selat Melaka," katanya.

"Ia adalah pesawat MAS...jadi tidak menghairankan terdapat banyak rakyat Malaysia dalam penerbangan itu tetapi kumpulan besar adalah penumpang dari China di mana beberapa daripada mereka belajar atau bekerja di Singapura," katanya sambil berharap pesawat itu akan ditemui tidak lama lagi.

Pesawat Malaysia Airlines (MAS), jenis Boeing 777-200ER itu, yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal dilaporkan hilang ketika dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing, kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 12.41 pagi.

Pesawat itu sepatutnya mendarat di Beijing pada pukul 6.30 pagi hari yang sama.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1022116>